

03 MAR 1997

KEMPEN TANAM POKOK:IWK TANAM 1,000 POKOK

KUALA LUMPUR, Mac 3 (Bernama) -- Indah Water Konsortium Sdn Bhd akan menanam 1,000 batang anak pokok bagi menghijaukan alam sempena Kempen Menanam Pokok Nasional yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Pengerusi Eksekutif IWK Datuk Wan Adli Wan Ibrahim hari ini berkata selain itu, IWK juga akan menyediakan perapi tanah organik untuk semua peserta kempen berkenaan.

Peserta kempen di Lembah Klang boleh mengambil perapi tanah organik di Loji Rawatan Kumbahan Indah Water di Pantai Dalam pada setiap Ahad antara jam 10 pagi dan 2 petang, katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata penyertaan IWK dalam program menanam pokok ini selaras dengan falsafah koperat syarikat untuk memastikan alam sekitar yang lebih baik untuk generasi masa depan.

Menurutnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telahpun menggunakan perapi tanah organik ini selama beberapa tahun untuk lanskap dan projek penanaman pokoknya dan perapi tanah ini tidak mencemar alam sekitar. --BERNAMA

ARA NAK